

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
KAJIAN SEMULA FATWA KEDUDUKAN DEWAN SERBAGUNA
MASJID NEGERI SELANGOR**

1. TAJUK PERSOALAN

Pihak Masjid Negeri Selangor telah mengemukakan kertas cadangan mengenai Kajian Semula Fatwa Kedudukan Dewan Serbaguna Masjid Negeri Selangor. Dalam mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pambangunan dan Pentadbiran Masjid Negeri yang dipengerusikan oleh Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 24/4/1998 telah mengambil keputusan supaya dilakukan kajian semula Fatwa Kedudukan Dewan Serbaguna tingkat bawah Masjid Negeri Selangor. Oleh itu, pihak Jawatankuasa telah diminta untuk memberi respons terhadap isu berkenaan.

2. ASAS PERTIMBANGAN

- 2.1 Makmum yang solat di Dewan bawah tidak dapat melihat pergerakan imam di Dewan Utama (Dewan Solat) di tingkat atas sedangkan ianya adalah merupakan salah satu dari syarat sah berjamaah.
- 2.2 Masjid Negeri sentiasa menjadi tempat tumpuan bagi mengadakan majlis-majlis, kursus perkahwinan, murid-murid sekolah dan badan-badan pertubuhan kebajikan serta lain-lain aktiviti keagamaan. Selain itu, terdapat juga kelas Tadika yang mana tenaga pengajarnya terdiri dari guru-guru wanita wanita dan ini mendatangkan masalah jika wanita berkenaan uzur (haid).
- 2.3 Menurut Dato' Baharuddin Abu Kasim yang menjadi arkitek Masjid Negeri juga menyatakan bahawa asal dan niat pembinaan Dewan Sembahyang adalah tingkat satu dan dua sahaja.

3. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti serta mengikut hukum yang mu'tabar dan mengambil keputusan seperti berikut :

“ Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor yang diadakan pada 23 Mac 1998 memutuskan agar pegawai Masjid Negeri Selangor membuat kajian dan penelitian yang lebih terperinci atas perkara-perkara berikut sebelum membuat sebarang keputusan :

- a) Asas-asas kukuh pengecualian sesuatu kawasan (dalam kawasan masjid) sebagai bukan masjid.
- b) Kegunaan sesebuah masjid, khususnya ke atas Masjid Negeri Selangor.
- c) Plan Masjid Negeri Selangor.